



AMANAT KETUA PENGARAH

YBHG. DATIN PADUKA HAJJAH HAKIMAH BT. MOHD. YUSOFF

KETUA PENGARAH

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

SEMPENA

MAJLIS AMANAT KETUA PENGARAH JAKIM

21 MAC 2024 (KHAMIS)/ 8.45 PAGI/ AUDITORIUM JAKIM

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ

1- Ingin saya memulakan kalam dengan firman Allah
SWT dalam Surah Hud, ayat 88:

قَالَ يَاقَوْمِ أَرَأَيْتُمْ إِنْ كُنْتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّي وَرَزَقَنِي مِنْهُ رِزْقًا
حَسَنًا وَمَا أُرِيدُ أَنْ أُخَالِفَكُمْ إِلَىٰ مَا أَنهَيْكُمْ عَنْهُ إِنْ أُرِيدُ
إِلَّا الْإِصْلَاحَ مَا اسْتَطَعْتُ وَمَا تَوْفِيقِي إِلَّا بِاللَّهِ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ
وَإِلَيْهِ أُنِيبُ ۝۸۸

Maksud Ayat:

56. Nabi Syuaib berkata: "Wahai kaumku, apakah pandanganmu jika aku mempunyai bukti yang nyata daripada Tuhanku dan dianugerahkan-Nya rezeki yang baik untukku dari sisi-Nya (patutkah aku mendiamkan perintah-Nya?) Aku bukan berniat hendak menyalahkan kamu dengan apa-apa yang aku larang itu, malah tujuan aku hanyalah untuk membaiki

(keadaan kamu) setakat termampu olehku. Tidaklah ada hidayah petunjuk (taufik) bagiku melainkan dengan pertolongan Allah. Hanya kepada-Nya aku bertawakal dan kepada-Nya aku kembali”.

[SALUTASI]

Yang Berbahagia Dato' Dr Sirajuddin bin Suhaimee,
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)

Yang Berusaha Dr. Haji Ruslan bin Said, Timbalan Ketua
Pengarah (Operasi)

Yang Berbahagia Dato' Haji Zamani Ahmad bin Mansor,
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

Yang Berbahagia Dato' Selamat bin Paigo
Ketua Pengarah JAWHAR

Pengarah-pengarah Kanan JAKIM

Pengarah-pengarah Bahagian JAKIM

Saudara dan Saudari Warga JAKIM dan JAWHAR yang
saya hormati sekalian.

2. Alhamdulillah, marilah sama-sama kita rafa'kan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah dan izin-Nya dapat sama-sama kita bertemu dalam **Majlis Amanat Ketua Pengarah JAKIM pada pagi ini bersekali dengan Majlis Perhimpunan JAKIM.**

3. Perhimpunan pagi ini amat penting kepada seluruh warga JAKIM untuk terus memperkukuh saf dan barisan, memperkemas langkah juga halatuju bagi memeta kecemerlangan JAKIM.

4. Alhamdulillah, tahun 2023 telah kita harungi bersama, banyak perkara yang telah memberikan pelajaran berguna. Saya ingin merakamkan ucapan berbanyak terima kasih tidak terhingga kepada barisan Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah Kanan, Pengarah-Pengarah Bahagian serta seluruh warga JAKIM atas segala dedikasi, menjayakan segala perancangan dan gerak kerja JAKIM dalam Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

5. Seperti yang sentiasa saya sebut, kerja-kerja JAKIM ini bukan hanya dilaksanakan oleh Ketua Pengarah ataupun Timbalan Ketua Pengarah secara individu. Tetapi ia dilaksanakan oleh seluruh warga JAKIM secara kolektif. Itu adalah semangat kita semua seluruh warga JAKIM.

6. Sebelum saya meneruskan amanat ini, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah kepada pegawai-pegawai baharu PHEI gred S41 dan PHEI gred S29 yang telah diterima masuk ke JAKIM dan menerima penempatan masing-masing. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada PHEI yang telah dinaikkan pangkat yang telah menerima surat pemangkuan yang pada akhir Februari yang lalu, iaitu seramai 5 orang memangku gred S52 dan 10 orang memangku gres S48.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

(KEBERADAAN JAKIM DALAM PENTADBIRAN NEGARA)

7. Keberadaan dan peranan agensi-agensi hal ehwal Islam khususnya JAKIM dalam pentadbiran dan pengurusan Kerajaan begitu signifikan. Sudah tentu ianya adalah untuk melaksanakan maksud Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang jelas mengiktiraf Islam adalah agama bagi Persekutuan dan Raja atau Sultan sebagai Ketua Agama Islam di negeri-negeri.

8. Sekiranya dirujuk kepada sejarah, JAKIM dahulunya bermula sebagai sebuah urus setia, kemudian itu berkembang sebagai Bahagian dan sekarang kita telah berfungsi sebagai sebuah Jabatan, sesuai dengan tuntutan zaman dan semasa. Tugasannya tentunya adalah berpandukan kepada Peraturan-Peraturan MKI. Ini adalah punca kuasa kepada kerangka pentadbiran Islam di Malaysia.

9. Ini menjadi kekuatan kepada kita semua warga JAKIM untuk berkhidmat kepada agama dan umat Islam melalui Jabatan kita ini. JAKIM juga sentiasa berdamping dengan pihak berkuasa agama Islam Negeri seperti Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri, Jabatan Mufti Negeri-Negeri yang sentiasa menjadi rakan strategik JAKIM. Ini menjadi kekuatan kepada JAKIM. Begitulah peranan agensi-agensi hal ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) yang sentiasa bergerak seiringan bersama JAKIM.

10. Sebagai sebuah *lead agency* hal ehwal Islam di peringkat persekutuan yang menjadi harapan umat Islam, tentunya ia memerlukan komitmen yang jitu serta bersungguh-sungguh oleh setiap warga JAKIM untuk melaksanakan setiap peranan yang telah diamanahkan. Inilah juga merupakan harapan umat Islam kepada kita semua warga JAKIM.

11. Sejalan dengan perkembangan struktur dan organisasi, ditambah pula dengan cabaran semasa, warga JAKIM tidak boleh terlalu selesa atau bekerja sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja. Urusan tidak lagi boleh dilaksanakan sebagaimana biasa, sebaliknya seluruh warga JAKIM perlulah pantas, tangkas serta dinamik dalam setiap tindakan yang diambil. Ini sudah tentu memerlukan kerjasama serta kesatuan hati semua warga JAKIM.

12. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah acapkali menyebut bahawa beliau sentiasa memberikan peluang yang besar kepada JAKIM untuk memberikan nasihat serta pedoman kepada pentadbiran negara.

13. Alhamdulillah, JAKIM telah diberikan ruang untuk memberikan nasihat serta pandangan kepada beliau sendiri dan pentadbiran negara. Pada saya, ini adalah satu pengiktirafan kepada peranan JAKIM selaku agensi tonggak di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

14. Oleh yang demikian, pada tahun 2024, bagi menyambut seruan dan peluang ini, JAKIM mestilah memastikan supaya organisasi JAKIM terus kekal relevan dalam pengurusan negara. JAKIM juga mesti aktif berperanan memberikan nasihat kepada semua pihak dalam apa jua urusan yang berkaitan hal ehwal Islam.

15. JAKIM tidak boleh lagi berada dalam kepompong sendiri sahaja. Seluruh bahagian di JAKIM mesti berani berperanan dalam kerangka makro dan berskala besar. Tidak hanya menjalankan tugas-tugas sekretariat dan kerja rutin sahaja.

16. Susulan baru-baru ini, isu penjualan stoking yang tertera kalimah Allah, JAKIM telah memanggil pihak yang terbabit untuk mendapatkan penjelasan serta telah memberikan amaran keras kepada mereka. JAKIM amat menjunjung tinggi titah KDYMM Yang di-Pertuan Agong.

17. JAKIM sekali-kali tidak akan berkompromi dengan isu-isu penghinaan kepada kalimah Allah dan kita menyerahkan isu ini kepada tindakan pihak berkuasa PDRM.

**Hadirin dan hadirat sekalian,
(PELAKSANAAN DASAR NEGARA DAN PROGRAM
STRATEGIK JAKIM)**

18. Bagi menggerakkan agenda “Membangun Malaysia Madani” JAKIM telah diberikan amanah untuk membantu Kerajaan bersama-sama Pelan Transformasi Al-Falah di bawah gagasan **YB Senator Dato’ Setia Dr. Haji Mohd Na’im bin Haji Mokhtar**, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) untuk diterjemahkan kepada tindakan. Tahun 2024 adalah tahun pelaksanaan kepada kedua-dua agenda besar ini, justeru seluruh warga JAKIM perlu bersama-sama menggerakkan program dan perancangan yang telah digariskan.

19. Kedua-kedua dokumen ini perlulah dilaksanakan seperti yang dirancang dan dijadualkan. Pada fasa ini iaitu tahun 2024, kita tidak boleh lagi hanya berlegar dalam arus perbincangan wacana pemikiran semata-mata, tetapi apa yang lebih penting adalah untuk menampakkan hasil pelaksanaan kepada masyarakat. Ini adalah amanah kepada kita semua untuk memastikan kedua-dua agenda terlaksana dengan jayanya.

20. Maka dengan sebab itu, JAKIM perlu sentiasa menyantuni *stakeholders* serta mengekalkan hubungan baik dengan semua pihak khususnya agensi-agensi hal ehwal Islam untuk memastikan setiap apa yang dirancang benar-benar berhasil.

21. Pada masa sama, JAKIM perlu membangunkan Pelan Komunikasi komprehensif untuk membina naratif serta mengaplikasikan pendekatan kreatif, interaktif dan mudah difahami agar dapat diterjemahkan kepada masyarakat.

22. Semalam dalam Mesyuarat Pengurusan JAKIM, saya dilaporkan sehingga Mac 2024, kita telah berjaya melaksanakan 724 program dan aktiviti. Jadi kita perlu mempergiatkan pemakluman dan promosi aktiviti kita supaya masyarakat tahu telah banyak usaha yang telah dilakukan JAKIM bagi memartabatkan pengurusan hal ehwal Islam ni negara ini.

23. JAKIM perlu sentiasa melaporkan kepada masyarakat tentang apakah usaha-usaha Kerajaan Madani dalam memperkukuh kedudukan Islam di Malaysia. Sebaran kreatif dalam bentuk poster dan infografik, termasuk melalui platform media sosial hari ini tentang usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh JAKIM perlu dipergiatkan.

24. Hasrat pucuk pimpinan juga sentiasa mahu melihat semua agensi melaksanakan setiap dasar dan program negara dengan penuh kesegeraan dan berkesan sejajar dengan budaya kerja "**TNC**" iaitu **TEPAT DAN CEPAT** yang telah diperkenalkan oleh YB Menteri dalam amanat

beliau sempena Majlis Perhimpunan Agensi Agama Tahun 2024 pada 5 Februari yang lalu.

**Saudara dan saudari sekalian,
(FOKUS KEPADA *TOUCH-POINTS* JAKIM DAN
PROGRAM BERSIFAT PROBLEM SOLVING)**

25. Setiap Bahagian di JAKIM mempunyai peranan dan bidang tugas yang tersendiri. Pada tahun 2024 ini, apa yang penting ialah setiap Bahagian melaksanakan bidang tugas masing-masing dengan sebaik-baiknya. Kita berikan penumpuan serta fokus kepada apa sahaja *touch-points* masyarakat.

26. Sebagai contoh, Bahagian Dakwah dan Bahagian KSK, pastikan program yang dianjurkan benar-benar mencapai objektif program. Kita mahu masyarakat benar-benar merasai setiap program dakwah yang anjuran JAKIM.

27. Begitulah juga sebagai contoh Bahagian Pengurusan Halal, kita berusaha sedaya mungkin untuk memperkukuhkan pengurusan pensijilan halal agar benar-benar efisien yang diputuskan pengurusan tertinggi.

28. Begitulah juga peranan Bahagian Dasar Kemajuan Islam (BDKI) dan Bahagian Penyelidikan yang perlu sentiasa up-to-date dengan kajian-kajian untuk membuat jangkaan apa yang akan berlaku masa hadapan. Sepertimana yang kita sedia maklum, dunia sedang berhadapan dengan teknologi Artificial Intelligence (AI). Bagaimanakah AI boleh dimanfaatkan dalam memberikan perkhidmatan hal ehwal Islam yang lebih efisien dan mampu menanggapi persoalan dan permasalahan masyarakat?

29. Dalam masa yang sama, aspek pembangunan kompetensi dan latihan pegawai dan kakitangan adalah sangat penting. Justeru, saya meminta ILIM terus memberikan perhatian untuk membangunkan potensi serta kepakaran para pegawai dan kakitangan JAKIM. Setiap Pengarah Bahagian saya minta membuat pemantauan khususnya keperluan pegawai dan kakitangan untuk menyertai mana-mana latihan kursus di ILIM atau pun institusi latihan awam di luar JAKIM.

30. Begitulah juga, saya percaya semua Bahagian mempunyai produk Bahagian masing-masing. Soalnya sekarang apakah warga jabatan dan agensi maklum tentang produk tersebut? Atau dalam skala lebih besar, apakah masyarakat sedar akan usaha yang kita lakukan?

31. Maka dengan sebab itu, JAKIM tidak boleh lagi membuat program dan aktiviti sekadar mahu memenuhi taqvim sahaja. Atau kata orang, program “syok sendiri” sahaja. Sebaliknya program-program JAKIM pada tahun ini mestilah berasaskan “***problem solving***”.

32. Tentunya program-program yang dianjurkan berasaskan “**PENYELESAIAN MASALAH**”, ia memerlukan kajian dan penyelidikan, dan selepas tamat program, analisa akan dibuat untuk mengenalpasti apakah masalah yang kita hadapi telah selesai sepenuhnya ataupun memerlukan tindakan susulan. Ini adalah mekanisme untuk memastikan kita lebih objektif, strategik dan terarah.

33. Oleh yang demikian, saya mahu semua Bahagian mewujudkan satu mekanisme untuk menilai semula program-program yang dianjurkan agar benar-benar bersifat *value for money*.

**Seluruh warga JAKIM yang dihormati,
(TADBIR URUS KEWANGAN DAN INTEGRITI
JABATAN)**

34. Ada sebuah lagi perkara penting saya mahu ketengahkan. Saya mahu terus memberikan penekanan kepada JAKIM terus kakal sebagai sebuah organisasi yang bersih daripada sebarang salah laku. Ini adalah iltizam dan komitmen saya selaku Ketua Pengarah JAKIM. Kita mesti sentiasa putih daripada kertas putih.

35. Marilah kita saling nasihat menasihati dan sentiasa menjaga integriti diri masing-masing agar tidak melakukan apa-apa kesalahan peraturan dan undang-undang. Kita mesti sentiasa ingat bahawa apa juga salah laku atau kesalahan kita akan memalit kesan buruk kepada JAKIM.

36. Selaku Ketua Jabatan, saya bersama Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah tidak akan mempertahankan mana-mana pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam sebarang salah laku dan tindakan disiplin.

37. Oleh yang demikian, saya mengharapkan kita semua akan sentiasa menyayangi diri kita dan ahli keluarga masing-masing. Jika mempunyai niat untuk melakukan apa-apa tindakan yang bercanggah dengan peraturan dan undang-undang, fikirkan insan-insang tersayang disekeliling kita.

**Hadirin serta hadirat sekalian,
(WARGA JAKIM YANG BERPERIBADI UNGGUL)**

38. Walau sehebat mana dan setebal mana pun dokumen dasar negara termasuk Pelan Strategik JAKIM, ia tidak akan berjaya, jika kita tidak membuat perubahan dalaman sikap kita. Kita memerlukan suntikan perubahan dalam jabatan kita.

39. Seluruh warga JAKIM perlu sentiasa menjaga peribadi unggul, serta sentiasa mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif, kerja berpasukan, sejiwa, setiakawan serta bekerja secara sinergi. Semua warga JAKIM berpadu dibawah satu panji dan berdaya juang tinggi.

40. Janganlah sesama kita berantakan serta bergaduhan. Ia akan terus melemahkan organisasi kita. Dengan semangat toleransi serta saling hormat menghormati, selain melaksanakan tugas masing-masing dengan penuh tertib dan bertanggungjawab, segala urusan dalam jabatan ini akan menjadi licin dan teratur.

41. Oleh yang demikian, adalah mustahak kepada kita semua untuk menyerlahkan akhlak Islam dalam setiap tindakan dan perilaku kita khususnya dalam konteks pekerjaan harian kita di pejabat.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

[PENUTUP]

42. Hari ini merupakan hari ke 10 kita menyambut bulan Ramadan Al-Mubarak, bermaksud fasa pertama Ramadan telahpun berlalu. Marilah sama-sama kita jadikan Ramadan sebagai momentum untuk tingkatkan nilai taqwa kepada Allah SWT. Inilah matlamat yang ingin kita capai menerusi tarbiah di madrasah Ramadan. Sebagai mana Firman Allah SWT :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ
مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

*Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.
(Al-Baqarah, Ayat 183)*

43. Dalam konteks pekerjaan kita, taqwa akan menjadikan kita pekerja yang berintegriti. Pekerja yang melakukan kerja dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh serta penuh dedikasi. Pekerja yang bertaqwa akan melakukan sesuatu pekerjaan demi mengharapkan keredhaan dari Allah SWT.

44. Bersempena dengan bulan Ramadan ini, sebahagian daripada kita memilih waktu berkerja fleksi Ramadhan, ambillah masa untuk memperkukuh hubungan kita bersama ahli keluarga. Saya amat memahami, di luar bulan Ramadan nanti, kita akan mula sibuk dengan pelbagai program termasuk acara rasmi Kerajaan.

45. Pada masa sama, saya ingin memperingatkan diri saya dan kita semua untuk terus fokus untuk melipatgandakan amalan ibadat kita semua. Sebagai warga JAKIM, alangkah elok jika kita sama dapat berazam dapat khatam bacaan al-quran 30 juzuk tahun ini. Sekiranya tidak mampu, paling tidak, kita cuba untuk konsisten membaca Al-Quran pada setiap hari.

46. Marilah bersama-sama kita berdoa agar kita semua diberikan kekuatan untuk terus memburu malam Lailatul Qadar.

47. Sebelum mengakhiri ucapan ini, JAKIM akan menganjurkan Majlis Iftar MADANI bersama YAB Perdana Menteri sempena Sambutan Nuzul Quran pada 28 Mac 2024 di Dataran Putra, Putrajaya. Seluruh warga JAKIM beserta keluarga adalah dijemput hadir memeriahkannya.

48. Terima kasih saya ucapkan kepada barisan urus setia dan semua warga JAKIM termasuk kader JAKIM di pelbagai Kementerian dan Jabatan kerana telah memberikan kerjasama padu dan komitmen menjayakan majlis pada pagi ini.

Sekian, Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh.